A

PP

lwn.

NAGARAJA SUBRAMANIAM

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SU GEOK YIAM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-02-2008]
19 JANUARI 2009

C

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Pecah rumah waktu malam hari dan mencuri - Mangsa diikat mulut sehingga meninggal dunia - Hukuman 20 bulan penjara dari tarikh tangkap - Sama ada tidak memadai - Sama ada perlu diganti dengan hukuman lebih berat - Kanun Keseksaan, s. 457*

D

Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') kerana menjatuhkan hukuman 20 bulan penjara terhadap responden atas satu kesalahan pecah rumah waktu malam hari dan mencuri di bawah s. 457 Kanun Keseksaan. Fakta menunjukkan bahawa tertuduh bersama-sama dengan seorang lagi

E

('tertuduh pertama') telah memecah masuk ke rumah mangsa, seorang wanita berusia 72 tahun, kira-kira jam 5.40 pagi, dan, setelah mencengkam dan mengikat mulut dan tangan mangsa, telah mencuri wang tunai dan barang-barang kemas milik mangsa. Responden dan tertuduh pertama kemudian meninggalkan mangsa

F

dalam keadaan terikat tersebut, di mana mangsa kemudian meninggal dunia akibat tersedut gigi dan tekanan di lehernya. Yang arif HMS, dalam menjatuhkan hukuman, antara lain telah memberikan diskaun kepada responden atas pengakuan bersalahnya, dan begitu juga telah mengambilkira bahawa ini adalah kesalahan pertama responden. Pendakwa Raya berhujah bahawa hukuman yang

G

dijatuhkan adalah tidak setimpal dengan kesalahan dan sama sekali telah membelakangkan elemen kepentingan awam.

Diputuskan (membenarkan rayuan; menggantikan hukuman dengan hukuman 10 tahun penjara):

H

(1) Hukuman yang dikenakan oleh HMS adalah terlalu tidak mencukupi. Tambahan terdapat beberapa kekhilafan yang dilakukan HMS apabila tidak menggunakan prinsip-prinsip yang betul dalam menjatuhkan hukuman. HMS, umpamanya, tidak seharusnya memberikan diskaun kepada responden memandangkan

I

kesalahan yang dilakukan adalah amat serius dan tidak berperikemanusiaan. (lihat *PP v. Govindan Chinden Nair; Bachik Abdul Rahman v. PP*). (perenggan 23, 45 & 47)

(2) Mengambiklira apa yang dikatakan YA Hashim Yeop Sani di dalam *PP v. Loo Choon Fatt*, tindakan tertuduh pertama dan responden di sini boleh dianggap sebagai telah menimbulkan ancaman keselamatan negara, yang bererti hukuman yang dijatuhkan semestinyalah mencerminkan rasa kebencian masyarakat terhadap jenayah seperti ini. Begitu juga faktor bahawa responden adalah pesalah pertama sama sekali tidak boleh diambilkira oleh HMS untuk meringankan hukuman. HMS juga seharusnya mengambilkira faktor kepentingan awam dan bahawa hukuman penjara maksimum yang diperuntukkan oleh s. 457 Kanun Keseksaan adalah 14 tahun. (perenggan 27-39)

(3) Satu hukuman penjara yang lebih berat dan lama harus dikenakan kepada responden bagi memberi pengajaran dan menjadi pencegah kepada responden dan bakal pesalah lain. Dalam halkeadaan kes, hukuman yang wajar dikenakan adalah sepuluh tahun penjara dari tarikh responden ditangkap pada 26 Ogos 2007. (perenggan 32, 33 & 34)

[Menggantikan hukuman sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Bachik Abdul Raman v. PP [2004] 2 CLJ 572 FC ***(dirujuk)***
PP v. Govindan Chinden Nair [1998] 2 CLJ 370 HC ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
Radin Ibrahim Gusti Yassar v. PP [1988] 1 LNS 73 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Ordinance 1952, s. 12(2)
Penal Code, ss. 304(a), (b), 457

Bagi pihak perayu - Muhamad Asyraf TPR
Bagi pihak responden - Hadir sendiri

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Su Geok Yiam H:

[1] Ini adalah rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Klang (selepas ini disebut "HMS yang bijaksana") ke atas responden. Responden telah dituduh bersama dengan seorang lagi tertuduh yang bernama Gunalan a/l Mariappan (selepas ini disebut "tertuduh pertama")

dengan pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan seperti berikut di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan s. 457 Kanun Keseksaan, masing-masing, pada 6 September 2007:

Pertuduhan Utama

Bahawa kamu bersama-sama pada 28/10/2006 jam lebih kurang 5.50 pagi di rumah no 5, Lot 662, Batu 1, Kampung India, Bukit Rotan, Kuala Selangor di dalam daerah Kuala Selangor, di negeri Selangor Darul Ehsan dengan niat yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan telah didapati melakukan kesalahan mematikan Mariamah a/p Narayan KPT: 340515-10-5030 dengan salah yang terjumlah kepada kesalahan membunuh, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pilihan

Bahawa kamu bersama-sama pada 28/10/2006 jam lebih kurang 5.50 pagi di rumah no 5, Lot 662, Batu 1, Kampung India, Bukit Rotan, Kuala Selangor di dalam daerah Kuala Selangor, di negeri Selangor Darul Ehsan dengan niat yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan telah didapati melakukan pencerobohan rumah waktu malam hari dan mencuri iaitu:

1) Dua rantai leher emas;

2) Satu loket emas;

3) sebuah telefon bimbit jenama Nokia Model 3310;

4) Wang Tunai RM5,000;

5) Satu loket bentuk tanduk;

6) Satu bentuk cincin emas ada huruf "A";

Kepunyaan: Rajakumar a/l Muniandy KPT: 630713-10-6793, kerugian lebih kurang RM8,000, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 457 Kanun Keseksaan.

[2] Responden di dalam rayuan ini yang merupakan tertuduh kedua dalam kes di hadapan HMS yang bijaksana telah pada 17 Disember 2007 mengaku salah kepada pertuduhan pilihan dan disabitkan dan dikenakan hukuman penjara selama 20 (dua puluh) bulan bermula daripada tarikh tangkap iaitu pada 26 Ogos 2007.

[3] Oleh kerana tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS yang bijaksana Pendakwa Raya telah memfailkan rayuan ini.

Alasan Rayuan

[4] Alasan-alasan rayuan adalah seperti berikut:

i. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menjatuhkan hukuman yang terlampau tidak mencukupi terhadap kesemua Responden;

ii. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambilkira kesalahan yang dilakukan adalah serius dan ganas;

iii. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mengambil kira akibat/ lanjutan kejadian ini seorang perempuan bernama Mariamah a/p Narayanan telah meninggal dunia;

iv. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberi pertimbangan yang terlalu mendalam terhadap mitigasi Responden daripada kepentingan awam dan keselamatan mangsa;

v. Oleh yang demikian Perayu memohon agar Mahkamah yang mulia ini mengenepikan keputusan yang telah dibuat dan memerintahkan Responden dikenakan hukuman yang lebih berat dan atau apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar dan adil oleh mahkamah.

Keputusan Mahkamah Ini

[5] Setelah mendengar dan mengambilkira hujah-hujah yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwaraya (TPR) yang bijaksana dan kata-kata responden, mahkamah ini telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Mahkamah ini telah mengetepikan hukuman penjara 20 (dua puluh) bulan dari tarikh responden ditangkap pada 20 Ogos 2007 dan menggantikannya dengan perintah bahawa responden dihukum penjara selama 10 (sepuluh) tahun bermula dari tarikh tangkap pada 20 Ogos 2007 ("perintah tersebut").

[6] Responden telah tidak berpuashati dengan perintah tersebut dan telah memfailkan notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

[7] Berikut ini adalah sebab-sebab mengapa mahkamah ini telah membuat perintah tersebut.

A **Fakta Kes**

[8] Fakta kes secara ringkasnya adalah seperti berikut:

[9] Pada 27 Oktober 2006 jam lebih kurang 7.30 petang, tertuduh pertama dan responden telah berjumpa dengan seorang bernama
B Veeramalai a/l Periyaraman (selepas ini disebut "Veeramalai") di Dewan Harmoni, Ijok, Kuala Selangor, Selangor. Di situ, Veeramalai telah ajak tertuduh pertama dan responden untuk memasuki rumah Mariamah a/p Narayan (selepas ini disebut "mangsa") untuk mengambil wang.

C

[10] Pada jam lebih kurang 11.30 malam, Veeramalai telah membawa tertuduh pertama dan responden ke sebuah tokong Cina di tepi jalan Bukit Rotan, Kuala Selangor. Veeramalai telah tunjukkan rumah mangsa kepada tertuduh pertama dan responden
D serta memberitahu mereka bahawa rumah mangsa perlu dimasuki pada waktu pagi setelah anak mangsa bernama Rajakumar a/l Muniandy (selepas ini disebut "anak mangsa") keluar dari rumah. Mereka bertiga terus tidur di tokong Cina itu.

[11] Pada pagi keesokannya jam lebih kurang 5.30 pagi, Veeramalai
E telah bangunkan tertuduh pertama dan responden. Mereka membuat perhatian ke atas rumah mangsa sehingga anak mangsa keluar dari rumah pada jam lebih kurang 5.40 pagi. Veeramalai seterusnya arahkan tertuduh pertama dan responden memasuki rumah mangsa. Kemudian tertuduh pertama dan responden memasuki rumah
F mangsa melalui pintu hadapan dan mendapati mangsa sedang sapu di ruang tamu.

[12] Tertuduh pertama dan responden seterusnya telah mencengkam mangsa. Kemudian mangsa diikat mulut dan turut diikat kedua-dua tangannya ke belakang dengan menggunakan kain. Mangsa
G kemudian dibawa masuk ke dalam sebuah bilik. Di dalam bilik ini, beberapa harta benda termasuk barang kemas dan wang tunai RM5,000 serta beberapa dokumen penting telah diambil oleh tertuduh pertama dan responden. Tertuduh pertama dan responden kemudian telah melarikan diri dengan meninggalkan mangsa di
H dalam bilik dengan keadaan terikat. Pada jam lebih kurang 7.30 petang hari yang sama anak mangsa telah balik ke rumah dari kerja. Beliau mendapati mangsa telah meninggal dunia dalam keadaan tertiarap di dalam bilik tidurnya. Beliau meminta jirannya untuk memanggil polis.

I

[13] Pada jam lebih kurang 7.40 malam, anggota polis yang terima panggilan telefon daripada jiran mangsa membuat satu repot polis. Anak mangsa juga telah membuat satu repot polis pada 29 Oktober 2006 mengenai kematian emaknya serta kehilangan harta benda. Pada 31 Oktober 2006 jam lebih kurang 4 petang, tertuduh pertama telah menyerah diri di Balai Polis Kuala Selangor.

[14] Pada 31 Oktober 2006 jam lebih kurang 6.30 petang, berpandukan kepada maklumat dari tertuduh pertama pihak polis telah menemui barang-barang seperti berikut di sebuah kebun kelapa sawit:

a) Satu beg duit;

b) Satu kad ATM Bumiputra Commerce No. 5018 5520 2186 1660 atas nama anak mangsa;

c) Satu kad ATM Bumiputra Commerce No. 5018 5520 0452 9599 atas nama anak mangsa;

d) Satu salinan fotostat kad pengenalan no. 630713-10-6793 atas nama anak mangsa;

e) Satu resit asal permit menguburkan no. C 488440 atas nama seorang lagi anak mangsa bernama Kandiah a/l Muniandy; dan

f) Satu kertas pin nombor ATM Bumiputra Commerce atas nama anak mangsa.

[15] Pada 26 Ogos 2007 jam lebih kurang 10.25 pagi responden telah ditangkap.

[16] Bedah siasat yang dijalankan ke atas mangsa yang berumur 72 tahun sewaktu kejadian mendapati punca kematian ialah tersedut gigi (aspiration of tooth) dan tekanan di leher.

Alasan Penghakiman HMS Yang Bijaksana

[17] HMS yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya berpendapat bahawa hukuman 20 (dua puluh) bulan penjara yang dikenakan ke atas responden untuk kesalahan di bawah s. 457 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman tempoh penjara yang boleh sampai 14 tahun adalah wajar, teratur dan berlandaskan prinsip undang-undang setelah mengambil kira fakta kes dan akuan bersalah responden yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah dan pihak-pihak lain yang terlibat di sepanjang perbicaraan.

[18] Selain itu juga HMS yang bijaksana turut mengambil kira di atas faktor bahawa responden tidak mempunyai rekod kesalahan lalu. Semasa kejadian responden berusia 27 tahun. Beliau sudah pun berkahwin dan telah pun mempunyai tiga orang anak. Isteri beliau baru sahaja menjalani pembedahan untuk membuang kanser payu dara.

[19] Responden telah melakukan kesalahan itu di atas dasar dorongan dan pengaruh Veeramalai yang merupakan master mind yang telah merancangkan kejadian memecah masuk ke dalam rumah mangsa. Veeramalai tidak dapat ditangkap oleh pihak polis kerana telah berjaya melarikan diri.

[20] HMS yang bijaksana mengambil "judicial notice" bahawa kejadian memecah masuk rumah kerap berlaku dalam daerah Kuala Selangor dan daerah Klang. Perbuatan memecah masuk ke rumah mangsa telah secara langsung mengganggu-gugat ketenteraman dan keselamatan mangsa dan penghuni rumah mangsa. Menurut HMS yang bijaksana prinsip kepentingan awam hendaklah lebih diberi keutamaan dan penekanan daripada kepentingan tertuduh pertama dan responden.

[21] Pada pendapat beliau, mahkamah perlu melihat kepada keseriusan dan jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh pertama dan responden. Sesuatu hukuman yang deteren hendaklah dikenakan untuk menghalang tertuduh pertama dan responden dan "future offenders" daripada melakukan kesalahan yang sama terhadap orang lain pada masa hadapan. Akhirnya akuan bersalah tertuduh pertama dan responden lazimnya boleh diambil kira bagi pemberian diskaun dari segi hukuman tetapi ia patut juga dilihat daripada graviti sesuatu kesalahan dan kepentingan awam.

Undang-Undang

[22] Adalah menjadi satu amalan bahawa Mahkamah Tinggi tidak akan mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah rendah kerana semata-mata ia mengenakan hukuman yang berbeza. Mahkamah Tinggi boleh melakukannya jika berpuas hati bahawa hukuman yang dikenakan adalah terlalu tidak mencukupi atau bukan hukuman yang betul berasaskan kepada kesemua fakta yang dikemukakan di dalam kes berkenaan atau secara jelasnya, mahkamah rendah telah terkhilaf di dalam menggunakan prinsip-prinsip yang betul semasa hukuman diberikan.

Samada Mahkamah Ini Seharusnya Mengganggu Hukuman Yang Telah Dijatuhkan Oleh HMS Yang Bijaksana Di Dalam Rayuan Ini

[23] Pada pendapat mahkamah hukuman yang dikenakan oleh HMS yang bijaksana ke atas responden adalah terlalu tidak mencukupi. Tambahan pula terdapat beberapa khilafan yang telah dilakukan oleh HMS yang bijaksana di dalam menggunakan prinsip-prinsip yang betul semasa hukuman diberikan.

[24] Pertamanya ialah apabila HMS yang bijaksana memberi diskaun kepada responden ekoran daripada akuan bersalahnya sedangkan kesalahan yang telah dilakukan oleh responden adalah satu yang amat serius dan juga tidak berperikemanusiaan di mana dalam melakukan kesalahan itu responden bersama-sama dengan tertuduh pertama telah mencengkam mangsa yang merupakan seorang perempuan yang tua yang berumur lebih kurang 72 tahun yang lemah dan tidak boleh mempertahankan dirinya, mengikat mangsa di mulut serta juga kedua-dua tangannya ke belakang dan telah melarikan diri dengan meninggalkan mangsa di dalam bilik dengan keadaan terikat.

[25] Responden yang berumur 27 tahun ketika itu serta sudah beristeri dan mempunyai seorang anak mesti sudah tahu bahawa dalam keadaan itu ada kebarangkalian bahawa mangsa akan meninggal dunia akibat perbuatan beliau dan tertuduh pertama.

[26] Keduanya nampaknya HMS yang bijaksana telah terpengaruh dengan rayuan meringankan hukuman yang dibuat oleh responden iaitu bahawa responden sudah berumahtangga dan mempunyai tiga orang anak dan bahawa isterinya baru menjalani pembedahan untuk membuang kanser payu daranya sehingga lebih mengambil berat akan kesusahan yang dialami oleh responden berbanding dengan faktor kepentingan dan keselamatan orang awam.

[27] Di dalam perkara ini saya amat bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh YA Hakim Hashim Yeop Sani, H (ketika itu) di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102 yang menyebut di dalam petikan bahasa Inggeris seperti berikut:

> Presidents and magistrates are often inclined quite naturally to be over sympathetic to the accused. This is a normal psychological reaction to the situation in which the lonely accused is seen facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will normally bring up problems of family hardship and other usual problems of living. In such a situation the courts might perhaps

A find it difficult to decide as to what sentence should be imposed so that the convicted person may not be further burdened with additional hardship. This in my view is a very wrong approach to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interest of the accused.

B **[28]** Walaupun kes di atas adalah melibatkan kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s. 12(2) Ordinan Dadah Berbahaya 1952 iaitu heroin seberat 1.2 gram yang diisi dalam 13 tiub plastik tetapi petikan tersebut adalah juga boleh dipakai kepada rayuan di hadapan mahkamah ini. Sebabnya ialah kesalahan yang dilakukan oleh
C responden adalah sangat serius kerana hasil daripada perbuatan beliau menceroboh masuk ke dalam rumah mangsa untuk melakukan pencurian pada waktu malam telah mengakibatkan seorang wanita yang tidak berdosa menemui ajal. Maka diskaun hukuman untuk akuan bersalah responden bagi kes ini tidak
D seharusnya diberikan dengan melihat graviti kesalahan yang dilakukan. Oleh itu faktor ini turut mewajarkan untuk satu pengenaan hukuman yang lebih berat ke atas responden. Adalah jelas bahawa tindakan responden dan tertuduh pertama itu juga turut menimbulkan ancaman keselamatan di negara ini. Maka hukuman mestilah mencerminkan rasa kebencian masyarakat ke atas bentuk
E jenayah ini.

[29] Keduanya ialah faktor bahawa responden merupakan pesalah pertama adalah tidak boleh diambil kira sama sekali oleh HMS yang bijaksana sebagai satu faktor untuk meringankan hukuman
F yang perlu dikenakan ke atas responden. Sebaliknya satu hukuman penjara yang lebih berat dan lama harus dikenakan kepada responden bagi memberi pengajaran dan menjadi pencegah kepada responden dan bakal pesalah-pesalah yang lain.

[30] Ketiganya ialah walaupun HMS yang bijaksana telah
G menyatakan bahawa beliau telah mengambil "judicial notice" bahawa kejadian memecah masuk rumah kerap kali berlaku dalam daerah Kuala Selangor dan daerah Klang namun hukuman yang dikenakan oleh beliau ke atas responden iaitu hanya penjara selama 20 bulan atau satu tahun lapan bulan bermula dari tarikh responden
H ditangkap pada 26 Ogos 2007 sedangkan hukuman maksimum untuk kesalahan itu ialah 14 tahun sepertimana diperuntukkan di bawah s. 457 Kanun Keseksaan tidak mencerminkan apa yang dinyatakan oleh HMS yang bijaksana dalam alasan penghakimannya.

I

[31] Oleh itu suatu hukuman yang boleh menjadi pencegah hendaklah dikenakan untuk menghalang responden dan bakal pesalah-pesalah daripada melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan. Dalam kes ini dengan mengambil kira fakta kes dan graviti kesalahan yang telah dilakukan oleh responden serta prinsip-prinsip penghukuman mahkamah berpendapat hukuman yang wajar ialah 10 tahun penjara dari tarikh responden ditangkap pada 26 Ogos 2007.

[32] Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan fakta kes ini dan bahawa kejadian memecah masuk rumah kerap berlaku dalam daerah Kuala Selangor dan daerah Klang HMS yang bijaksana seharusnya menjatuhkan satu hukuman yang betul-betul setimpal yang boleh menjadi satu pencegah untuk memberi satu amaran keras kepada orang-orang yang berniat untuk melakukan kesalahan yang serupa agar jangan melakukannya agar kekerapan kesalahan-kesalahan jenis ini dilakukan dapat dikurangkan.

[33] Mahkamah berpendapat fakta bahawa akibat perbuatan yang dilakukan ke atas mangsa telah menyebabkan mangsa kehilangan nyawanya seharusnya diambil kira oleh HMS yang bijaksana dalam penghukuman responden oleh beliau kerana laporan pembedahan siasat jelas menyatakan bahawa mangsa meninggal dunia kerana tersedut gigi dan tekanan di lehernya.

[34] HMS yang bijaksana juga seharusnya ambil kira bahawa hukuman penjara yang maksimum yang diperuntukkan di bawah s. 457 Kanun Keseksaan sepertimana yang responden dipertuduhkan adalah lebih berat iaitu 14 tahun berbanding dengan hukuman penjara yang maksimum yang diperuntukkan di bawah s. 304(b) Kanun Keseksaan iaitu hanya sepuluh tahun sahaja dan lebih ringan berbanding dengan hukuman penjara yang maksimum yang diperuntukkan untuk pertuduhan utama di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan iaitu 20 tahun.

[35] Adalah tidak boleh dinafikan lagi bahawa rakyat-rakyat dalam negara ini tinggal dalam ketakutan kerana kesalahan pencerobohan rumah pada waktu malam yang melibatkan kehilangan harta dan kecederaan kepada tubuh badan mangsa dan juga kehilangan nyawa sering berlaku menyebabkan keselamatan harta dan nyawa terancam. Kejadian demi kejadian dilaporkan dalam surat khabar-surat khabar dengan cerita dan gambar-gambar yang menakutkan.

[36] Pihak polis yang tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk membanteras jenayah juga seringkali disalahkan apabila kejadian sebegini berlaku dengan kerap dan mereka gagal untuk membanteras jenis jenayah demikian ataupun menangkap penjenayah. Oleh itu apabila pihak polis telah berjaya untuk menangkap penjenayah dan selepas itu melakukan siasatan yang sempurna sehingga penjenayah didakwa di mahkamah dengan jayanya oleh pihak pendakwaan maka mahkamah seharusnya memainkan peranan mahkamah dengan menggunakan budi bicaranya yang diberikan di bawah s. 457 Kanun Keseksaan oleh Parlimen untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya dan setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan dengan mengambil kira fakta dan keadaan kes dan kepentingan awam.

[37] Dalam kes *Radin Ibrahim Gusti Yassar v. PP* [1988] 1 LNS 73, Chong Siew Fai J, ketika menolak rayuan perayu terhadap hukuman enam bulan penjara yang telah dijatuhkan ke atasnya oleh mahkamah majistret telah menyatakan seperti berikut:

> Housebreaking by night of other persons' dwelling houses in order to the commission of theft is considered a serious matter not only because of the intrinsic value of whatever is stolen but because of the instrusion into the houses which causes insecurity and fear to householders even in their own homes. The gravity of the offence is reflected by the provision of the imprisonment term which may extend to 14 years in the Penal Code. The offence deserves fairly severe punishment and offenders must expect custodial sentences.

[38] Faktor kepentingan awam seharusnya diberikan keutamaan melebihi faktor-faktor yang lain. Mahkamah memainkan peranan yang penting dalam membendung jenis kesalahan ini dengan menggunakan budi bicara yang diberikan oleh Parlimen dalam s. 457 Kanun Keseksaan untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dan sewajarnya.

[39] Anak mangsa bukan sekadar kehilangan harta benda. Beliau turut kehilangan seorang ibu yang patut berasa selamat di dalam rumahnya sendiri.

[40] Walaupun dalam fakta kes dinyatakan bahawa kejadian dalam kes ini dirancangkan oleh Veeramalai untuk dijalankan oleh responden dan tertuduh pertama akan tetapi adalah juga jelas bahawa Veeramalai tidak menceroboh rumah mangsa dan mencuri harta benda mangsa serta mencengkam mangsa dan membuat perkara-perkara yang lain sehingga menyebabkan mangsa kehilangan nyawanya.

[41] Semasa rayuan didengar, responden cuba meraih simpati daripada mahkamah dengan mengatakan bahawa isteri dan anak-anaknya menumpang di rumah kawan kerana diusir keluar dari rumah kerana tidak mampu membayar sewa rumah. Responden memohon hukuman dikekalkan untuk memberi satu peluang kepadanya untuk hidup yang lebih sempurna dan bahawa beliau masih muda dan perlu menyara isteri dan anak-anaknya.

[42] Bagaimana dengan mangsa semasa berada di dalam rumahnya sendiri yang telah kehilangan harta dan nyawa? Bagaimana dengan anak-anak mangsa yang telah kehilangan harta dan seorang ibu?

[43] Dengan menjatuhkan satu hukuman yang setimpal dan sewajarnya mahkamah akan memberi satu mesej yang jelas kepada orang-orang yang berniat untuk melakukan kesalahan yang serupa bahawa sekiranya mereka berhasrat untuk hidup dengan sempurna dan menyara isteri dan anak-anak mereka, mereka tidak boleh menceroboh masuk ke rumah orang lain dan melakukan perbuatan sehingga menyebabkan mangsa kehilangan bukan sahaja harta benda tetapi juga nyawa. Pesalah-pesalah seperti responden dalam rayuan ini seharusnya dihukum dengan sewajarnya agar rakyat-rakyat dalam negara ini boleh hidup dengan selamat di dalam rumah mereka. Bukan semua rakyat dalam negara ini yang berupaya untuk membeli rumah dalam kawasan perumahan yang dipanggil sebagai "gated and guarded" dengan televisyen litar tertutup yang boleh mencegah kesalahan sebegini daripada dilakukan.

[44] Masyarakat umum mengharapkan mahkamah untuk menjatuhkan satu hukuman yang sewajarnya dan setimpal ke atas responden dalam rayuan ini.

[45] Dalam kes *Public Prosecutor v. Govindan Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370, Augustine Paul JC (sekarang HMP) telah memutuskan *inter alia*, bahawa walaupun seseorang tertuduh hendaklah diberi kredit atau diskaun kerana telah mengaku salah akan tetapi keseriusan kesalahan yang telah dilakukan olehnya boleh memadamkan kesan keringanan akuan bersalahnya.

[46] Oleh itu tidak ada kaedah otomatik bahawa akuan bersalah dengan sendirinya akan melayakkan seseorang tertuduh untuk menerima satu hukuman yang lebih ringan.

[47] Dalam kes *Bachik Abdul Raman v. PP* [2004] 2 CLJ 572, Mahkamah Persekutuan juga telah memutuskan, *inter alia*, seperti berikut di ms 574 di bawah tajuk "Diputuskan (menolak rayuan) oleh Augustine Paul HMR menyampaikan penghakiman mahkamah":

A [2] Salah satu prinsip dalam penghukuman adalah bahawa seseorang yang disabitkan harus diberi diskaun kerana mengaku bersalah. Mengurangkan sepertiga dari hukuman yang sepatutnya dijatuhkan adalah satu kebiasaan. Ini bagaimanapun bukanlah satu kaedah yang ketat dan mahkamah boleh, dalam melaksanakan budi bicaranya, menolak dari memberi sebarang diskaun. Keseriusan sesuatu kesalahan
B atau wujudnya sabitan lampau boleh memadamkan kesan keringanan sesuatu akuan bersalah; begitu juga, kepentingan awam, ketiadaan pembelaan yang kuat serta ketiadaan faktor-faktor keringanan.

[48] Di ms 583 b-i dan ms 584 a Augustine Paul, HMR juga telah menyatakan seperti berikut:

C

the learned judge appears to have taken the view that credit should be given in every case where a person pleads guilty. The position in law is that it is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (see *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158; *PP v. Sulaiman bin Ahmad* [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3
D CLJ (Rep) 447; *PP v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47). The discount that is given is normally a reduction of the sentence by about a third of what would otherwise have been imposed (see *Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209; *PP v. Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430;
E *Christopher Khoo Ewe Cheng v. PP* [1998] 3 CLJ 705). However, this is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case (see *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441; *Lee Say & Ors v. PP* [1985] 2 CLJ 155; [1985] (Rep) 683). Its application in favour of an accused depends on the facts and circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Phillip*
F *v. PP* [1990] 1 LNS 146). Thus, as lucidly explained by Charles JA in *Leigh Nicholas Donnelly v. R* [1997] 91 A Crim R 550 at p. 554:

> A court's attitude towards the fact of a plea of guilty is expected to act as an encouragement to enter such a plea. The issue with which the court is to be concerned is what weight should be
G given to it in the circumstances.

The circumstances in which a guilty plea will not have any weight are varied. The severity of the offence committed may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (see *Loh Hock Seng & Anor v. PP* [1979] 1 LNS 48; *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 LNS 109).
H Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way (see *Sim Gek Yong v. PP* [1995] 1 SLR 537; *PP v. Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370). A guilty plea cannot also be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge is available to the accused (see *PP v. Low Kok Wai* [1988] 2
I CLJ 105; [1988] 2 CLJ (Rep) 268). If a plea of guilty is made too late in the trial it may also cease to have mitigating effect (see *PP v. Dato'*

Nallakaruppan Solaimalai [1999] 2 CLJ 596). The absence of mitigating factors in favour of the accused like, for instance, the existence of previous convictions may also deprive the guilty plea of its effect. There can therefore be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment (see *PP v. Tia Ah Leng* [2000] 5 CLJ 614). Be that as it may, where there is a departure from the general rule the reason for not treating the guilty plea as a mitigating factor must be reflected in the ground of judgment (see *Tan Lay Chen v. PP* [2000] 4 CLJ 492).

[49] Maka mahkamah telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mengetepikan hukuman 20 bulan penjara bermula daripada tarikh responden ditangkap pada 26 Ogos 2007 yang telah dikenakan oleh HMS yang bijaksana dan menggantikannya dengan penjara sepuluh tahun bermula daripada tarikh responden ditangkap pada 26 Ogos 2007.